



UUM JOURNAL OF LEGAL STUDIES

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/uumjls>

How to cite this article:

Hafidz Hakimi Haron, Ahmad Shamsul Abd. Aziz, Muhammad Hafiz Badarulzaman, Hanis Wahed, Nor Ashikin Md Nasir & Zairudin Hashim. (2026). Ucapan kebencian dalam talian dalam kalangan belia di Malaysia: Analisis terhadap perundangan dan luar perundangan tersedia. *UUM Journal of Legal Studies*, 17(2), 172-193. <https://doi.org/10.32890/uumjls2026.17.2.10>

UCAPAN KEBENCIAN DALAM TALIAN DALAM KALANGAN BELIA DI MALAYSIA: ANALISIS TERHADAP PERUNDANGAN DAN LUAR PERUNDANGAN TERSEDIA

ONLINE HATE SPEECH AMONG YOUTH IN MALAYSIA: AN ANALYSIS OF EXISTING LEGAL AND NON-LEGAL FRAMEWORKS

¹Hafidz Hakimi Haron, ²Ahmad Shamsul Abd. Aziz,

³Muhammad Hafiz Badarulzaman, ⁴Hanis Wahed,

⁵Nor Ashikin Md Nasir & ⁶Zairudin Hashim

¹Kuliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim,

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Malaysia

^{2,3,4&5}Pusat Pengajian Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

⁶Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

¹Corresponding author: hafidzhakimi@iium.edu.my

Received: 2/1/2025

Revised: 25/10/2025

Accepted: 18/3/2026

Published: 31/7/2026

ABSTRAK

Isu ucapan kebencian dalam talian telah menjadi satu fenomena yang semakin membimbangkan terutama dalam kalangan golongan belia di Malaysia. Berdasarkan kajian-kajian awal, terdapat data-data yang menunjukkan ucapan-ucapan kebencian yang berunsurkan isu-isu sensitif seperti soal kaum, agama, dan institusi diraja (dikenali sebagai 3R) merupakan kategori aduan tertinggi yang diterima oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mutakhir ini. Peningkatan ini didorong oleh kadar capaian internet yang tinggi serta penggunaan meluas platform media sosial sebagai medium utama penyebaran ucapan kebencian. Justeru, kertas kajian ini meneliti fenomena ucapan kebencian dalam talian dengan memberi tumpuan khusus kepada golongan belia sebagai segmen pengguna terbesar media sosial di Malaysia. Bagi menangani isu ini secara menyeluruh, kajian ini menilai keberkesanan rangka perundangan dan bukan perundangan sedia ada, termasuk pindaan terkini terhadap Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, di samping menilai kekuatan, kelemahan, dan keberkesanannya dalam melindungi belia daripada risiko kebencian digital. Dari sudut

metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan sosio-perundangan (*socio-legal*) berasaskan kaedah kualitatif yang menggabungkan analisis doktrinal terhadap peruntukan undang-undang berkaitan dengan data empirikal yang diperoleh melalui temu bual separa berstruktur bersama pembuat dasar dan wakil pertubuhan masyarakat madani (CSO). Hasil kajian menegaskan keperluan kepada pendekatan yang lebih komprehensif yang menggabungkan aspek perundangan, pendidikan, dan inisiatif komuniti bagi membendung ucapan kebencian secara berkesan serta mendorong belia Malaysia menjadi warga digital yang beretika dan bertanggungjawab.

Kata kunci: Dalam talian, ucapan kebencian, belia, peraturan media sosial, sosio-perundangan.

ABSTRACT

Online hate speech has become an increasingly alarming phenomenon, particularly among Malaysian youths. Recent studies indicate that hate speech based on sensitive issues such as race, religion, and royalty (commonly referred to as the “3R” issues) constitutes the highest category of complaints received by the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC). This trend is largely driven by the country’s high internet penetration rate and the widespread use of social media platforms as primary channels for disseminating hate narratives. Accordingly, this paper examines the dynamics of online hate speech with a specific focus on youths, who represent the largest segment of social media users in Malaysia. To address this issue comprehensively, the study evaluates both legal and non-legal frameworks, including the latest amendments to Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998, analysing their strengths, limitations, and effectiveness in safeguarding youths from digital hostility. Methodologically, the study adopts a socio-legal approach grounded in qualitative analysis, combining doctrinal examination of relevant legal provisions with empirical data obtained through semi-structured interviews with policymakers and representatives from civil society organisations (CSOs). The findings underscore the need for a more holistic approach that integrates legal regulation, education, and community initiatives to effectively curb online hate speech while encouraging Malaysian youths to become responsible and ethical digital citizens.

Keywords: Online, hate speech, youth, social media regulation, socio-legal.

PENGENALAN

Ucapan kebencian adalah satu fenomena dimana merupakan dialog antara budaya, yang akhirnya melemahkan masyarakat berbilang bangsa dengan cara menghalang komunikasi sesama mereka (Zamri et al., 2023). Keghairahan yang dicetuskan oleh perluasan jaringan penggunaan internet dan kebebasan penggunaan media sosial telah menyumbang kepada peningkatan ucapan kebencian yang semakin membimbangkan, khususnya dari segi penggunaan bahasa yang menyinggung perasaan serta berunsur provokatif. Walaupun fenomena ucapan kebencian ini dipercayai berasal daripada barat, proses silang budaya yang berlaku akibat globalisasi digital menyebabkan permasalahan tersebut menular dan membentuk satu gejala sosial yang nyata di Malaysia (Zamri et al., 2023).

Dalam konteks tempatan, Malaysia telah berjaya mencapai kemajuan ketara dalam bidang ekonomi digital hasil daripada pengasasan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang digagaskan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Bin Mohamed pada tahun 1996 (Haron, 2020). Melalui inisiatif MSC ini, capaian dan penggunaan internet dalam kalangan rakyat meningkat secara

berterusan, didorong oleh pembangunan infrastruktur digital dan campur tangan aktif kerajaan (Daud, 2019). Sehingga tahun 2024, Malaysia mencatatkan seramai 33.59 juta pengguna internet daripada jumlah penduduk keseluruhan 34 juta orang, dengan kadar capaian internet sebanyak 97.4%, antara yang tertinggi didunia.(Kemp, 2024).

Malaysia juga berada di antara negara yang mempunyai kadar purata masa harian yang dihabiskan di dalam talian yang tertinggi di dunia, iaitu 8jam 17minit sehari bagi setiap individu (The Malay Mail, 2024). Statistik turut menunjukkan bahawa golongan belia merupakan segmen pengguna utama di negara ini (The Malay Mail, 2024b). Walaupun keadaan ini dianggap positif dari sudut pembangunan literasi digital, namun ia juga membawa risiko yang signifikan terhadap kesejahteraan sosial (Haron & Arsat, 2022). Hal ini kerana ucapan kebencian yang dahulunya hanya tersebar melalui medium konvensional seperti di akhbar, majalah, dan televisyen, kini berkembang pesat melalui media sosial yang bersifat lebih pantas, interaktif, dan sukar dikawal. (Dreißigacker et al., 2024).

Kesan pertumbuhan teknologi digital menjadikan ucapan kebencian dalam talian yang pada asalnya dianggap isu domestik di negara-negara barat, kini berubah menjadi isu global (Hietanen & Eddebo, 2023). Fenomena ini amat membimbangkan kerana ucapan kebencian dalam talian mampu menjadi punca kepada radikalisme dan fahaman pelampau keganasan (*violent extremism*) (Govers et al., 2023).

Perkembangan ini telah menarik perhatian pelbagai pihak termasuk kerajaan dan Pertubuhan Masyarakat Madani (*Civil Society Organisations*) (CSO) yang terlibat dalam mencegah Ekstremisme Ganas (*Prevention of Violent Extremism*) (PVE). Salah satu organisasi yang aktif dalam bidang ini adalah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Oleh itu, bagi mendapatkan pemahaman yang lebih baik berhubung fenomena ini khususnya dari segi perspektif sosial dan undang-undang, penyelidik telah menjalinkan kerjasama dengan ABIM untuk melaksanakan kajian ini.

Pernyataan Masalah

Fenomena ucapan kebencian dalam talian semakin membimbangkan dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Perkembangan pesat platform media sosial telah memperluas ruang bagi penyebaran ucapan kebencian yang berunsur perkauman, keagamaan dan politik, sehingga menyinggung sensitiviti awam serta mengancam keharmonian sosial. Walaupun Malaysia mempunyai pelbagai undang-undang yang boleh digunakan untuk menangani perilaku tersebut, termasuk Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM) dan Akta Keselamatan Dalam Talian 2025, keberkesanannya masih menjadi persoalan utama dalam konteks semasa.

Sebelum pindaan tahun 2024, Seksyen 233 AKM sering dikritik kerana bersifat terlalu umum dan tidak memberikan tafsiran yang jelas terhadap bentuk komunikasi yang dikategorikan sebagai ucapan kebencian. Tafsiran terhadap istilah “jelik” dianggap terlalu luas dan boleh menimbulkan risiko penyalahgunaan kuasa dalam penguatkuasaan. Namun demikian, pindaan terbaru yang berkuat kuasa pada Februari 2025 telah memperkenalkan istilah baharu “jelik melampau”, yang kini secara eksplisit merangkumi ucapan kebencian dan hasutan kebencian sebagai kesalahan yang boleh dihukum. Walaupun perubahan ini menunjukkan penambahbaikan dari sudut normatif, timbul persoalan sejauh mana tafsiran “jelik melampau” mampu menyeimbangkan antara keperluan kawalan terhadap ujaran kebencian dengan hak kebebasan bersuara yang dijamin oleh Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

Lebih penting lagi, isu ucapan kebencian dalam talian bukan sekadar persoalan perundangan, tetapi turut membawa implikasi sosial yang ketara. Tragedi Ulu Tiram 2024, sebagai contoh, memperlihatkan bagaimana penyebaran kandungan ekstrem dan berunsur kebencian dalam talian boleh mendorong tindakan ganas di dunia sebenar. Dalam insiden tersebut, seorang belia berusia 20 tahun yang dipercayai terpengaruh dengan ideologi radikal di media sosial telah menyerang dua anggota polis hingga mengakibatkan kematian mereka (Awasthi, 2025). Kes ini dengan jelas menunjukkan bahawa kelemahan dalam kawalan terhadap kandungan kebencian di alam siber boleh mendatangkan kesan langsung terhadap keselamatan awam dan kestabilan negara.

Selain daripada kelemahan dalam pelaksanaan undang-undang, tahap literasi undang-undang dan kesedaran sivik digital dalam kalangan belia juga masih rendah. Beberapa kajian dan laporan menunjukkan bahawa tahap literasi digital serta kefahaman terhadap had undang-undang berkaitan kebebasan bersuara dalam kalangan belia di Malaysia masih berada di tahap sederhana. Ramai dalam kalangan mereka tidak sepenuhnya memahami batas antara kebebasan bersuara dengan tanggungjawab undang-undang di ruang siber, menjadikan mereka mudah terdedah kepada penyebaran kandungan berunsur kebencian atau ekstremisme, sama ada sebagai pelaku mahupun mangsa. Laporan serantau oleh UNICEF melalui kajian *Malaysia Edition Use of Social Media by Children and Adolescents in East Asia - Opportunities, Risks and Harms* (2020) mendapati bahawa remaja Malaysia berhadapan risiko tinggi terdedah kepada kandungan berbahaya dan sering tidak memiliki kemahiran mencukupi untuk menilai maklumat secara kritikal (UNICEF Malaysia, 2020). Dapatan ini turut disokong oleh beberapa kajian akademik tempatan yang menegaskan bahawa literasi media dan kesedaran sivik digital dalam kalangan belia masih di tahap sederhana serta memerlukan pendekatan pendidikan yang lebih berkesan (Che Zainal et al., 2024; Ismail et al., 2022; Maliki & Bahari, 2023). Oleh itu, timbul keperluan untuk menilai semula sejauh mana pendekatan perundangan sedia ada berupaya untuk menangani cabaran ucapan kebencian dalam talian secara berkesan, serta bagaimana ia boleh dilengkapi dengan pendekatan luar perundangan seperti pendidikan sivik digital, advokasi komuniti, dan inisiatif pencegahan. Gabungan antara pendekatan ini diharapkan dapat membentuk satu kerangka kawalan yang lebih holistik dan responsif terhadap cabaran digital masa kini.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif-objektif berikut:

1. Mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kemunculan ucapan kebencian dalam talian dalam kalangan belia di Malaysia, termasuk pengaruh sosial, budaya digital, dan tahap kesedaran terhadap batas kebebasan bersuara di ruang siber.
2. Menilai keberkesanan serta mengenal pasti kelemahan rangka perundangan sedia ada dalam menangani isu ucapan kebencian dalam talian dikalangan belia, khususnya peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM) yang telah dipinda, Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan dan Akta Keselamatan Dalam Talian 2025.
3. Merumuskan langkah-langkah pelengkap berbentuk perundangan dan luar perundangan seperti pendidikan sivik digital, advokasi masyarakat madani, dan kolaborasi antara agensi bagi membentuk pendekatan kawalan ucapan kebencian yang lebih menyeluruh, efektif, dan responsif terhadap realiti sosial belia Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi tujuan untuk mencapai objektif-objektif kajian yang telah dinyatakan diatas, penyelidik telah menggunakan kaedah penyelidikan sosio-perundangan (*social-legal approach*) yang berteraskan kaedah kualitatif. Pendekatan ini dipilih kerana ia mampu memberikan kefahaman terhadap isu yang dibincangkan oleh kerana ia mampu memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang isu ucapan kebencian dalam talian dikalangan belia Malaysia. Hal ini kerana kaedah sosio-perundangan yang digunakan didalam kajian ini mampu menggabungkan analisis undang-undang secara doktrinal dengan data empirikal kualitatif bagi menilai keberkesanan undang-undang dalam konteks sosial sebenar (Banakar & Travers, 2005).

Kaedah kualitatif pula dipilih kerana ia memberi peluang kepada penyelidik untuk memahami sesuatu fenomena secara mendalam melalui interpretasi sosial dan analisis kontekstual, dan bukan hanya sekadar pengukuran statistik. Kaedah ini juga diiktiraf sebagai lebih sesuai untuk mengkaji isu-isu yang kompleks dan bersifat normatif seperti undang-undang dan tingkah laku sosial (Mack et al., 2005). Dalam konteks ini, analisis undang-undang secara doktrinal merupakan sebahagian daripada pendekatan kualitatif yang lebih luas. Ia tidak digunakan secara terpisah, sebaliknya berfungsi sebagai asas untuk memahami struktur dan prinsip undang-undang sedia ada berkaitan ucapan kebencian. Penyelidikan doktrinal menumpukan kepada analisis teks undang-undang bagi mengenal pasti, menafsir, dan mensistematiskan prinsip perundangan. Kaedah ini digabungkan dengan pendekatan kualitatif bagi menilai bagaimana undang-undang tersebut diaplikasikan dalam masyarakat, sejajar dengan matlamat penyelidikan sosio-perundangan.

Melalui pendekatan ini, penyelidik menganalisis data primer yang terdiri daripada sumber undang-undang utama seperti Perlembagaan Persekutuan, Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Keselamatan Dalam Talian 2025, dan AKM. Penekanan diberikan kepada pindaan terkini Seksyen 233 AKM, yang kini memperuntukkan kesalahan berkaitan ucapan kebencian secara lebih jelas. Selain itu, kes-kes kehakiman yang relevan turut dianalisis bagi menilai keberkesanan dan pelaksanaan undang-undang sedia ada dalam menangani fenomena ini.

Bagi menyokong analisis ini, penyelidik turut menggunakan sumber sekunder yang diperoleh melalui kajian perpustakaan dan pangkalan data akademik. Mark Saunders, Philip Lewis, dan Adrian Thornhill mendefinisikan sumber sekunder sebagai penerbitan susulan dari literatur sumber primer, termasuk buku, jurnal, tesis, laporan, dan sumber di dalam talian (Thornhill et al., 2013). Antara pangkalan data yang digunakan termasuk Lexis Nexis, CLJ Legal Law, Lawnet, Westlaw, Sage Publications, Emerald, Springer, Google Scholar, dan ISSRN.

Selaras dengan pendekatan sosio-perundangan, penyelidik turut menjalankan temu bual separa berstruktur untuk mendapatkan perspektif empirikal yang melengkapi analisis doktrinal. Kaedah ini membolehkan penyelidik menyesuaikan soalan berdasarkan konteks perbualan serta menggali pandangan yang lebih mendalam daripada pihak yang berkepentingan. Dua responden utama dikenal pasti melalui pemilihan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu individu yang mempunyai keterlibatan langsung dalam usaha menangani ucapan kebencian dalam talian di Malaysia:

1. Yang Berhormat Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), mewakili perspektif pembuat dasar; dan
2. Encik Adli Zakuan bin Zairakithnaini, Naib Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), mewakili perspektif pertubuhan masyarakat madani (CSO).

Pandangan kedua-dua responden ini membantu penyelidik memahami cabaran sebenar dalam pelaksanaan undang-undang serta keperluan intervensi luar perundangan seperti pendidikan sivik digital dan advokasi komuniti. Gabungan antara analisis doktrinal dan data empirikal ini membolehkan penyelidik menilai isu ucapan kebencian dalam talian secara holistik, kontekstual, dan berpaksikan realiti masyarakat Malaysia, sejajar dengan prinsip pendekatan sosio-perundangan.

Pendekatan penyelidikan sosio-perundangan yang diguna pakai dalam kajian ini memastikan setiap objektif penyelidikan dapat dicapai secara sistematik dan berasaskan bukti. Analisis doktrinal membolehkan penyelidik menilai keberkesanan peruntukan undang-undang yang berkaitan, manakala pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur memberikan gambaran empirik tentang faktor sosial serta pandangan pihak berkepentingan. Gabungan kedua-dua pendekatan ini memastikan hasil kajian bukan sahaja berasaskan teori dan perundangan, tetapi turut berpijak pada realiti sosial semasa, sekali gus memperkukuh asas cadangan yang dikemukakan dalam perbincangan seterusnya.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Umumnya, terdapat banyak takrifan tentang apa yang menjurus atau yang dimaksudkan dengan ‘ucapan kebencian’. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mentakrifkan ucapan kebencian sebagai “apa sahaja bentuk komunikasi yang menyerang atau mendiskriminasi seseorang atau kumpulan berdasarkan faktor seperti agama, etnik, warganegara, bangsa, warna kulit, keturunan jantina atau faktor identiti lain” (United Nations, 2019). Syor Suruhanjaya Eropah dalam Memerangi Perkauman dan Sikap Tidak Bertoleransi, No. 15 (Mengenai Memerangi Ucapan Kebencian) pada 8 Disember 2015, turut mentakrifkan ucapan kebencian sebagai ‘suatu kebencian, penghinaan, atau pun merendahkan-mendahkan martabat seseorang individu yang tergolong kepada sesuatu kumpulan ataupun komuniti” (Paz et al., 2020). Walau bagaimanapun, Howard mengambil pendekatan yang lebih terperinci dan berhati-hati dalam mendefinisikan ucapan kebencian. Dalam hal ini, Howard telah mengikuti pendekatan metode Prakesh yang memberikan definisi ucapan kebencian yang lebih objektif. Menurut Prakesh, sesebuah ucapan kebencian haruslah memenuhi ciri-ciri berikut: pertama mestilah ditujukan terhadap individu yang tertentu ataupun mudah dikenal pasti atau kebiasaannya, sekumpulan individu berdasarkan ciri secara rawak atau tidak relevan secara normatif. Seterusnya, ucapan tersebut dibuat atas tujuan untuk menstigmakan individu ataupun kumpulan sasaran tersebut dengan cara tersurat mahupun tersirat dengan ciri-ciri kualiti yang tidak diinginkan atau mengaibkan. Akhir sekali, ucapan tersebut memberi gambaran bahawa kumpulan atau individu sasaran sebagai golongan yang tidak diterima dan wajah dimusuhi oleh masyarakat secara sah (Howard, 2019). Oleh yang demikian, secara ringkasnya tiada definisi khusus bagi ucapan kebencian.

Meskipun ruang siber menawarkan kebebasan untuk berkomunikasi, menyuarakan pandangan dan ekspresi, serta mendapatkan dan menyebarkan maklumat, namun malangnya menerusi ruangan ini khususnya di platform media sosial seringkali disalahguna termasuklah untuk tujuan menyebarkan kenyataan-kenyataan bersifat kebencian dan keganasan (Castaño-Pulgarín et al., 2021). Lebih mendukacitakan, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, permasalahan ucapan kebencian di dalam talian telah menjadi isu yang semakin meruncing. Sebagai contoh, satu dapatan kajian melaporkan bahawa kira-kira 80% daripada populasi di negara-negara Kesatuan Eropah (EU) pernah terdedah kepada ucapan yang dibuat di dalam talian, manakala 40% daripadanya pernah merasa terancam atau diserang melalui platform rangkaian sosial (SNS) (Castaño-Pulgarín et al., 2021). Apa yang lebih membimbangkan, ucapan kebencian juga tergolong sebagai satu bentuk keganasan tanpa kekerasan fizikal. Keganasan bukan fizikal boleh didefinisikan sebagai penolakan penggunaan kekerasan secara

fizikal, tetapi bergantung kepada kerosakan psikologi dan emosi untuk mencapai tujuan yang sama seperti keganasan fizikal. Kevin Fernandez dan Greg Barton turut bersetuju dengan pandangan ini, menyatakan bahawa ucapan kebencian berisiko membawa kepada radikalisation dan akhirnya berkembang menjadi ekstremisme ganas (Fernandez & Barton, 2023).

Dalam kertas kajiannya, Brown menekankan bahawa ucapan kebencian yang dilakukan di dalam talian adalah berbeza daripada yang tradisional atas beberapa sebab. Pertama, ia membolehkan penghasil kandungan 'menyembunyikan (*anonymity*)' identiti sebenar mereka. Seterusnya, ia memberikan peluang kepada pengguna untuk menjadi 'halimunan (*invisibility*)' di internet (Brown, 2018). Brown juga turut menekankan bahawa sifat komuniti dalam talian adalah berbeza sekiranya dibandingkan dengan komuniti medium tradisional. Hal ini kerana komuniti di dalam talian menikmati elemen penyebaran maklumat yang lebih segera, tidak seperti media tradisional seperti surat khabar atau risalah (Brown, 2018). Berdasarkan dapatan kajian beliau, Brown merumuskan bahawa kesan buruk daripada ucapan kebencian dalam talian adalah lebih parah berbanding dengan bentuk tradisional yang menjadi kebiasaan sebelumnya (Brown, 2018). Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa ruang dalam talian merupakan medan yang hampir sempurna bagi pemikiran-pemikiran asing dan terpinggir, radikal, serta ekstrem bagi menyebarkan ucapan kebencian di dalam kalangan pelbagai kumpulan dan segmen masyarakat setempat (Zamri et al., 2023).

Berdasarkan statistik terkini, komposisi rakyat Malaysia adalah terdiri daripada 68.8% daripada kalangan Bumiputera, 23.2% berbangsa Cina, 7% berbangsa India, dan 1% lagi terdiri daripada etnik yang lain (Wan Mohd Nor, 2023). Data demografi ini penting kerana ia menggambarkan realiti masyarakat majmuk yang menjadi asas kepada sensitiviti hubungan kaum, agama, dan identiti nasional. Dalam masyarakat pelbagai etnik seperti Malaysia, perbezaan pandangan atau salah faham berasaskan latar belakang budaya dan kepercayaan mudah mencetuskan salah tafsir dan konflik sosial apabila disebarkan secara terbuka di media sosial (Azman et al., 2023). Maka, risiko ucapan kebencian menjadi lebih tinggi kerana interaksi digital mempertemukan kelompok dengan pelbagai latar etnik dalam ruang tanpa sempadan dan kawalan yang minimum.

Walaupun Malaysia secara amnya mempunyai rekod yang baik dalam menguruskan keharmonian sosial, Wan Mohd Nor menegaskan bahawa negara ini tidak kebal daripada ancaman keganasan yang boleh dipacu oleh ucapan kebencian berasaskan bangsa dan agama (Wan Mohd Nor, 2023). Dalam konteks tempatan, isu berkisar kepada agama, institusi diraja dan kaum ataupun dikenali sebagai isu '3R' seringkali menjadi pemicu utama terhadap perdebatan-perdebatan yang mampu mencetuskan ucapan kebencian di alam maya. Dapatan ini turut disokong oleh penyelidikan yang dilakukan oleh New Kuwi Hoi dan Tay Shi Joh mengenai implikasi ucapan kebencian di platform *Facebook*. Hasil daripada kajian yang dilakukan, kedua-duanya berpendapat bahawa kandungan yang bersifat perkauman merupakan subjek utama ucapan kebencian yang didapati di platform tersebut (Kuwi Hoi & Shi Joh, 2023). Dalam pada itu, mereka turut menyimpulkan bahawa terdapat hubungkait yang rapat di antara kekerapan aktiviti pengguna di *Facebook* dan juga tahap kesedaran ataupun pendedahan terhadap ucapan kebencian di platform tersebut (Kuwi Hoi & Shi Joh, 2023). Dalam erti kata lain, kajian ini mendapati bahawa semakin kerap seseorang individu itu meluangkan masa di *Facebook*, semakin tinggi tahap pendedahan individu tersebut kepada ucapan-ucapan kebencian.

Pada masa yang sama, terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa terdapat satu trend yang signifikan di Eropah dan Asia berkenaan dengan ucapan kebencian di mana ianya mempunyai persamaan dari segi kandungan, iaitu berkisarkan bangsa, agama, jantina, dan kadangkala berkaitan seksualiti (Zamri et al., 2023). Tindakan mensensasikan isu-isu berkaitan agama, kaum dan institusi

diraja (3R) di Malaysia dilihat sebagai duri dalam daging yang berpotensi mempengaruhi pemikiran masyarakat setempat serta menjejaskan keharmonian sosial dalam kalangan masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai agama, kaum dan kepercayaan. Dalam konteks ini, data menunjukkan bahawa golongan belia merupakan segmen terbesar pengguna internet di negara ini. Oleh itu, kebimbangan bahawa mereka menjadi kumpulan utama yang terdedah kepada risiko diindoktrinasi dan diradikalisasi melalui ucapan kebencian dalam talian adalah berasas. Menurut Laporan Survei Penggunaan ICT dan Internet oleh Individu dan Isi Rumah 2023, kadar penembusan internet tertinggi direkodkan dalam kalangan individu berumur antara 15 hingga 40 tahun, iaitu kategori yang ditakrifkan sebagai belia (Department of Statistics Malaysia, 2023). Tambahan pula, beberapa insiden telah membuktikan realiti kebimbangan ini, termasuk serangan Balai Polis Ulu Tiram pada tahun 2024 yang melibatkan seorang pemuda berusia 20 tahun yang diradikalisasi melalui kandungan ekstremis dalam talian (Awasthi, 2025). Laporan oleh UNESCO (2017) turut mengesahkan bahawa belia merupakan kumpulan paling mudah dipengaruhi oleh naratif kebencian digital disebabkan oleh kekurangan literasi media serta kecenderungan psikologi untuk mencari identiti dan penerimaan sosial (Alava et al., 2017).

PERBINCANGAN

Memahami Dinamika Ucapan Kebencian dalam Talian dalam Kalangan Belia di Malaysia

Realiti dan Risiko Sosial Belia dalam Era Digital

Ucapan kebencian menafikan nilai kepelbagaian, kesaksamaan, toleransi dan norma hak asasi manusia (Stajanko et al., 2024). Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, ia boleh menggugat keharmonian sosial serta mengukuhkan stereotaip kaum dan agama. Golongan belia, sebagai pengguna media sosial terbesar, adalah golongan yang paling mudah terdedah kepada naratif kebencian yang bersifat emosi dan manipulatif. Ciri dunia maya yang tanpa nama (*anonymous*), berterusan (*persistent*), dan mengasyikkan (*immersive*) menjadikan pengawalseliaan kandungan menjadi semakin sukar (Haron & Arsat, 2022). Mahyudin (2021) dan Marsden (2011) berpandangan bahawa kawalan undang-undang yang semata-mata bersifat statutori tidak lagi memadai; sebaliknya kawalan sendiri dan tanggungjawab sosial digital perlu diterapkan secara sistematik. Berdasarkan dapatan Meltwater, 83.1% rakyat Malaysia menggunakan media sosial, dan 57.4% daripada jumlah ini berumur di bawah 34 tahun (Meltwater, 2024). Ini menunjukkan bahawa belia bukan sahaja pengguna terbesar tetapi juga paling aktif berinteraksi di ruang digital. Justeru, mereka menjadi kelompok paling terdedah kepada risiko pendedahan dan penglibatan dalam ucapan kebencian. Namun, persoalan yang lebih mendasar bukan sekadar sejauh mana belia menggunakan internet, tetapi bagaimana pendedahan berterusan kepada naratif kebencian dapat menormalisasikan prejudis, ekstremisme dan sikap tidak bertoleransi. Kajian (Wachs et al., 2022.) mendapati bahawa interaksi yang berulang dengan kandungan kebencian berpotensi membentuk persepsi stereotaip secara tidak sedar (Wachs et al., 2022), sementara (Pluta et al., 2023) menegaskan bahawa apabila naratif diskriminatif dibiarkan tanpa dikawal, mampu menormalisasikan penerimaan terhadap apa jua bentuk diskriminasi didalam masyarakat (Pluta et al., 2023). Oleh itu, isu ucapan kebencian dalam kalangan belia tidak hanya berkisar pada isu komunikasi semata-mata, malah ianya turut mampu menggugat struktur nilai dan moral sosial mereka.

Faktor-faktor yang Menyumbang kepada Penglibatan Belia terhadap Ucapan Kebencian

Menurut responden pertama kajian ini, Yang Berhormat Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), pembabitan belia dalam ucapan kebencian berpunca daripada beberapa faktor asas, termasuk kekurangan sensitiviti sosial dan pendidikan di

Malaysia yang masih memperlihatkan pemisahan berdasarkan kaum dan agama, yang menghasilkan jurang interaksi yang mendalam diantara mereka (Zulkifli Hasan, 2024). Pemisahan ini menimbulkan persepsi “kami dan mereka” (*us vs them*), yang seterusnya mencipta ruang untuk naratif kebencian berkembang. Oleh itu, beliau menegaskan bahawa kerangka kefahaman sosial baharu berdasarkan prinsip kesederhanaan Islam (*wasatiyyah*) harus diperkuat melalui dasar pendidikan awam. Konsep *Fiqh al-Muwatanah* (kewarganegaraan) dan *Fiqh al-Ta’ayush* (kehidupan harmoni) menurut beliau perlu diangkat dalam wacana sivik digital bagi membentuk kefahaman bahawa perpaduan dan adab sosial adalah tanggungjawab moral setiap warganegara (Hasan, 2021). Prinsip ini, yang diinspirasi daripada Piagam Madinah, mengajar bahawa masyarakat pelbagai agama dan etnik boleh hidup secara damai melalui persefahaman dan keadilan, bukan melalui pemaksaan atau pemisahan sosial. Beliau turut memberikan contoh tokoh seperti Tan Sri Surin Abdul Halim Pitsuwan, seorang Muslim dari Thailand yang berjaya menjadi wakil rakyat di kawasan majoriti bukan Islam kerana pendekatannya yang inklusif dan berakhlak. Contoh ini menunjukkan bahawa kesederhanaan dan keterbukaan budaya boleh menjadi “penawar sosial” terhadap naratif kebencian yang bersifat ekstrem dan eksklusif.

Responden kedua, Encik Adli Zakuan dan Zairakithnaini, Naib Presiden ABIM, melihat dimensi berbeza dalam memahami fenomena ini. Menurutnya, kelemahan kefahaman sejarah dan identiti budaya dalam kalangan belia turut menjadi punca mengapa golongan ini mudah dimanipulasi oleh naratif kebencian dan ekstremisme (Adli Zakuan, 2024). Berdasarkan laporan *‘Preventing and Countering Violent Extremism in Malaysia (Handbook for Civil Society Organisations)’*, diantara 2013 hingga 2022, sebanyak 559 individu ditahan atas kesalahan berkaitan keganasan, dan sebahagian daripadanya berumur di bawah 21 tahun. (Adli Zakuan, 2024). Menurut Adli, statistik ini mencerminkan bagaimana fahaman kebencian mampu mempengaruhi pemikiran golongan muda yang sedang mencari makna identiti dan penerimaan sosial. Adli menegaskan bahawa sejarah nusantara memperlihatkan tradisi Islam yang terbuka dan rasional, seperti yang ditunjukkan oleh tokoh seperti Buya Hamka, tetapi nilai tersebut semakin dilupakan. Ketiadaan pendedahan terhadap sejarah intelektual yang harmoni ini menyebabkan sebahagian belia menanggapi perbezaan agama dan politik sebagai ancaman, bukannya peluang untuk berdialog. Adli turut mengaitkan penyebaran kebencian dengan keruntuhan nilai kekeluargaan tradisional. Dalam masyarakat moden yang dipengaruhi oleh budaya liberalisme dan individualisme, hubungan kekeluargaan tradisional menjadi semakin longgar, dan ruang digital menjadi tempat pengganti bagi belia untuk mencari penerimaan didalam masyarakat. Namun, ruang tersebut sering disalahguna oleh pihak yang menyebarkan ideologi kebencian dan radikalisme. Oleh itu, beliau menekankan pentingnya membina “pengalis mental” (*mental firewall*) dalam kalangan belia, iaitu kemampuan menapis kandungan, menilai naratif, dan mengawal emosi digital secara rasional.

Selain itu, Wan Mohd Nor pula berpendapat bahawa terdapat beberapa faktor yang secara umumnya boleh menyuburkan ekstremisme melalui ucapan kebencian (Wan Mohd Nor, 2023). Dalam konteks Malaysia, menurut beliau, ucapan kebencian dapat dilihat tersebar secara meluas melalui tiga medium utama, iaitu media sosial, media massa (media bercetak, penyiaran dan sebagainya) dan komunikasi politik. Tambah beliau, medium ini berperanan besar dalam membentuk persepsi awam dan boleh menjadi pemangkin ekstremisme apabila naratif kebencian dimanipulasi oleh aktor berpengaruh seperti ahli politik atau tokoh agama (Wan Mohd Nor, 2023). Analisis beliau seiring dengan Pelan Tindakan Rabat (*Rabat Action Plan*) yang menekankan bahawa penularan ucapan kebencian sering berpunca daripada penyalahgunaan kebebasan bersuara oleh aktor berkuasa yang menyasarkan kumpulan minoriti (Human Rights Council, 2013). Oleh itu, strategi yang berkesan memerlukan gabungan pendekatan perundangan dan bukan perundangan, termasuk pendidikan toleransi, wacana balas (*counter-speech*), serta tanggungjawab media dalam membetulkan naratif sosial.

Implikasi Psikologi dan Sosial terhadap Belia

Fenomena ucapan kebencian bukan sahaja membentuk sikap dan pemikiran, tetapi turut memberi kesan psikologi terhadap kesejahteraan belia. Hal ini kerana usia peringkat belia adalah disifatkan sebagai satu peringkat kehidupan dimana seseorang individu masih belum lagi mencapai tahap personaliti yang cukup matang dan kukuh, sekaligus ucapan kebencian mampu membantutkan perkembangan mental seseorang individu (Obermaier & Schmuck, 2022). Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan oleh Obermaier dan Schmuck, pemangsaan terhadap generasi belia lazimnya terjadi terhadap individu yang tergolong dikalangan kumpulan minoriti sosial atau terhadap individu yang aktif dalam menyuarakan pendapat sama ada bersifat politik atau sosial di dalam talian, terutamanya kepada individu yang giat mempertahankan kumpulan rentan di dalam masyarakat (Obermaier & Schmuck, 2022). Malah, terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa mangsa ucapan kebencian sering mengalami kesan psikologi negatif seperti peningkatan kebimbangan, perasaan takut dan tidak selamat serta gangguan tidur (Delgado, 2019). Hal ini sudah tentu memberikan kesan yang sangat besar terhadap remaja ataupun belia yang sedang berada pada peringkat yang genting dalam pembinaan personaliti mereka (seperti kebolehan penilaian moral, sikap serta tahap kepercayaan kepada individu lain) boleh dipengaruhi secara signifikan hasil daripada pengalaman positif mahupun negatif mereka di media sosial (Moreno & Uhls, 2019).

Secara keseluruhannya, dinamika ucapan kebencian dalam talian dalam kalangan belia berpunca daripada interaksi kompleks antara pendidikan sosial yang lemah, persekitaran digital yang longgar kawalannya, pengaruh politik dan media, serta perubahan nilai kekeluargaan dan budaya moden. Ucapan kebencian bukan sekadar ancaman terhadap keharmonian sosial, tetapi juga terhadap kesejahteraan psikologi dan identiti generasi muda. Seiring dengan saranan Pelan Tindakan Rabat, pendekatan holistik berasaskan strategi pelbagai lapisan yang menggabungkan undang-undang, pendidikan sivik, dan literasi digital amat diperlukan bagi membentuk persekitaran digital yang lebih selamat dan beretika untuk belia Malaysia.

Ucapan Kebencian dan Hak Kebebasan Bersuara

Hak kebebasan bersuara, bukan sahaja dianggap sebagai salah satu cabang hak asasi manusia yang terpenting, malah merupakan hak politik yang menjadi asas kepada sistem demokrasi moden. Di peringkat antarabangsa, hak ini dijamin Perkara 19 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Perkara 19 Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR). Kedua-dua instrumen ini memperuntukkan hak setiap individu untuk berpendapat serta menyampaikan pandangan tanpa gangguan.

Jaminan ini turut diiktiraf dalam kes *Muhammad Hilman bin Idham & 3 Ors v. Government of Malaysia & 2 Ors* [2011] 6 AMR 499 dimana Hishammudin J menegaskan bahawa hak kebebasan bersuara adalah hak yang menduduki tempat yang istimewa dalam mana-mana perlembagaan demokratik (Basu, 2018). Namun begitu, baik UDHR mahupun ICCPR, hak-hak yang dijamin tersebut bukanlah bersifat mutlak. Perkara 29 UDHR memperuntukkan bahawa hak kebebasan bersuara adalah tertakluk kepada batas-batas bagi melindungi hak dan kebebasan orang lain, memelihara moral, ketenteraman awam, dan kesejahteraan umum dalam masyarakat demokratik. Perkara 19(3) ICCPR pula membenarkan sekatan terhadap kebebasan bersuara jika perlu bagi menjaga moral, ketenteraman awam dan keselamatan negara. Oleh itu, di bawah prinsip undang-undang antarabangsa, walaupun kebebasan bersuara diakui sebagai hak asasi, tetapi ia bukanlah hak tanpa batas. Sekatan yang sah (*legitimate restriction*) boleh dikenakan apabila ucapan atau ekspresi tertentu berpotensi mengancam keharmonian sosial atau menggugat hak individu yang lain. Prinsip ini menjadi asas kepada pengawalan ucapan kebencian dalam konteks global.

Dalam konteks Malaysia, Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan menjamin hak kebebasan bersuara dan berekspresi kepada warganegara. Walaubagaimanapun, Perkara 10(2)(a) turut membenarkan Parlimen untuk mengenakan sekatan demi menjaga keselamatan negara, ketenteraman awam, moral, dan hubungan antara kaum. Hak ini juga boleh dibatasi bagi mencegah kegiatan subversif atau sekiranya negara berada dalam keadaan darurat, sepertimana diperuntukkan di bawah Perkara 149 dan Perkara 150. Maka, Perlembagaan Persekutuan secara tersirat mengiktiraf prinsip keseimbangan antara kebebasan dan tanggungjawab sosial. Namun, berbeza dengan pendekatan liberal di sesetengah negara Barat yang cenderung memberi perlindungan mutlak kepada kebebasan bersuara termasuk ucapan kebencian, Malaysia mengambil pendekatan komunal-demokratik (*communitarian democracy*), di mana kebebasan individu diimbangi dengan kepentingan kolektif dan kestabilan sosial (von Vorys, 1975). Pendekatan ini menekankan bahawa dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, kebebasan bersuara harus diurus dengan berhati-hati agar tidak mencetuskan permusuhan antara etnik, agama, atau institusi yang menjadi tiang kestabilan negara.

Walaupun sesetengah pihak berhujah bahawa ucapan kebencian sepatutnya dilindungi atas alasan “*marketplace of ideas*” iaitu meraikan kebebasan berfikir dan berdebat yang akhirnya akan menyingkirkan pandangan ekstrem (De Gregorio, 2022), namun pendekatan ini tidak sesuai diterapkan secara mutlak dalam konteks Malaysia. Seperti yang ditegaskan oleh Wan Mohd Nor dan Mohd Asraf, sekatan terhadap ucapan kebencian bukan sahaja perlu, tetapi wajar dalam masyarakat berbilang kaum dan agama, kerana bentuk ucapan ini berpotensi menjejaskan keharmonian sosial, memperlebar jurang perkauman dan menimbulkan ketegangan agama (Wan Mohd Nor & Mohd Asraf, 2015).

Dari perspektif sejarah, tragedi 13 Mei 1969 menjadi pengajaran penting bahawa kegagalan membendung retorik perkauman dan kebencian dalam wacana awam boleh membawa kepada konflik fizikal yang mengorbankan nyawa serta meruntuhkan kestabilan nasional. Justeru, prinsip kebebasan bersuara dalam sistem perundangan Malaysia perlu difahami dalam kerangka “*responsible speech*” iaitu kebebasan yang disertai tanggungjawab moral, sosial, dan perundangan terhadap akibat sesuatu ekspresi.

Berdasarkan kerangka ini, isu utama dalam perbincangan mengenai ucapan kebencian bukanlah sama ada ia perlu dihadkan, tetapi bagaimana ia harus diatur secara seimbang antara hak individu dan kepentingan awam. Pendekatan yang hanya bersifat hukuman tidak mencukupi untuk menangani akar masalah kebencian yang berakar daripada stereotaip dan ketidakseimbangan sosial. Oleh itu, pengawalan ucapan kebencian perlu dilihat bukan semata-mata melalui undang-undang substantif, tetapi juga dalam konteks pendidikan sivik digital, advokasi masyarakat, dan akauntabiliti platform komunikasi, sepertimana digariskan dalam Pelan Tindakan Rabat (Human Rights Council, 2013). Pelan ini menegaskan bahawa sebarang tindakan terhadap ucapan kebencian perlu menilai tiga komponen utama: niat (*intent*), kandungan (*content*), dan konteks (*context*). Pendekatan ini penting bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa atau sekatan berlebihan terhadap kebebasan bersuara yang sah. Dalam konteks Malaysia, keseimbangan ini menjadi lebih penting memandangkan kerencaman etnik dan keagamaan yang memerlukan sensitiviti budaya serta kebijaksanaan penguatkuasaan.

Analisis Keberkesanan Pendekatan Perundangan terhadap Ucapan Kebencian di Malaysia

Bahagian ini menganalisis keberkesanan kerangka perundangan sedia ada dalam menangani isu ucapan kebencian dalam talian di Malaysia terutamanya dikalangan belia. Walaupun beberapa undang-undang telah digunakan bagi mengawal penyebaran kandungan yang bersifat provokatif atau menyinggung,

kerangka ini masih bersifat berpecah (*fragmented*) dan tidak dibina secara khusus untuk menangani ucapan kebencian moden yang berakar dalam ruang sosial dan digital. Antara perundangan utama yang sering digunakan ialah Akta Hasutan 1948, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM), serta beberapa peruntukan terpilih dalam Kanun Keseksaan.

Akta Hasutan 1948: Antara Legasi Kolonial dan Kekangan Demokrasi dan Implikasinya terhadap Belia

Akta Hasutan 1948 pada dasarnya adalah warisan kolonial yang diperkenalkan oleh British untuk menyekat penentangan terhadap pentadbiran kolonial (Sreedharam & Ramayah, 2020). Walaupun akta ini masih berkuat kuasa selepas kemerdekaan dan beberapa pindaan telah dilakukan, ia sering dikritik sebagai bersifat drakonian dan terlalu luas skop aplikasinya (Sreedharam & Ramayah, 2020).

Akta ini tidak mentakrifkan secara langsung istilah “hasutan,” tetapi melalui Seksyen 3(1), ia memperincikan pelbagai perbuatan yang dianggap mempunyai “kecenderungan menghasut”, termasuk menimbulkan kebencian, penghinaan, atau permusuhan terhadap kaum dan agama. Dalam kes *Public Prosecutor v. Ooi Kee Saik & Ors* [1971] 2 MLJ 108, mahkamah menegaskan bahawa niat (*Mens Rea*) tidak perlu dibuktikan; memadai jika perbuatan itu menunjukkan kecenderungan menghasut (*Actus Reus*). Pendekatan yang sama turut disahkan dalam kes *Kerajaan Malaysia v. Mat Shuhaimi Bin Shafie* [2018] MYFC 2.

Pendekatan ini menunjukkan bahawa ambang sabitan di bawah Akta Hasutan 1948 adalah sangat rendah, sekaligus menimbulkan kebimbangan terhadap kebebasan bersuara yang dijamin oleh Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan. Walaupun berperlembagaan Akta ini disahkan di dalam kes *Pendakwa Raya Iwn Azmi bin Shahrom* [2015] 8 CLJ 921, Sreedham menegaskan bahawa takrifan kabur “kecenderungan menghasut” tidak memenuhi prinsip ketepatan undang-undang (*presicion of law*) yang menjadi teras kepada undang-undang antarabangsa mengenai sekatan hak asasi.

Dari perspektif substantif, Akta Hasutan digubal bagi tujuan untuk melindungi kestabilan politik dan institusi kerajaan (Faruqi, 2019), bukan untuk menangani ucapan kebencian berasaskan kaum, agama atau jantina yang menjadi tumpuan perbincangan semasa. Ia lebih berfungsi untuk mengekang simptom bukan punca struktur ucapan kebencian seperti ketidakseimbangan sosial, prasangka, atau ketegangan integriti. Laporan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia pada tahun 2020 mendapati bahawa Akta Hasutan tidak mengandungi peruntukan yang secara jelas menjenayahkan ucapan kebencian sebagaimana ditakrifkan oleh piawaian antarabangsa, sebaliknya lebih menumpukan kepada perlindungan terhadap kerajaan dan institusi negara (Human Rights Commission of Malaysia, 2020). Hal ini turut disokong oleh laporan *Centre for Independent Journalism* pada tahun 2023, yang menunjukkan bahawa sebahagian besar pendakwaan di bawah akta tersebut lebih tertumpu kepada pengkritik kerajaan atau aktor politik, bukan terhadap individu yang menyebarkan kebencian berasaskan etnik atau agama (Naidu et al., 2023). Oleh itu, meskipun akta ini tegas dari segi penguatkuasaannya, keberkesanannya dalam menghadapi fenomena ucapan kebencian moden, khususnya dalam ruang digital yang bersifat organik, dinamik dan sukar dikawal adalah terhad.

Dalam konteks belia, situasi ini turut menimbulkan dilema. Belia yang aktif di media sosial sering menjadi penyampai pendapat politik dan sosial yang kritikal, namun mereka juga terdedah kepada risiko siasatan di bawah Akta Hasutan apabila pandangan tersebut ditafsir sebagai “menghasut.” Hal ini mencipta suasana penapisan sendiri (*self-censorship*) yang berlebihan dalam kalangan belia, di mana kebebasan bersuara mereka terbatasi oleh kebimbangan terhadap tindakan undang-undang. Akibatnya, keupayaan belia untuk terlibat secara bermakna dalam wacana awam dan politik digital menjadi terhad, sekali gus menjejaskan pembentukan budaya demokratik yang sihat.

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM): Evolusi dan Kekangan dalam Era Digital

Bagi kandungan dalam talian, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM) merupakan asas utama pengawalseliaan. Dua preuntukan penting, Seksyen 233 dan Seksyen 211 memperuntukkan kesalahan bagi komunikasi yang bersifat “lucah, palsu, mengancam atau jelik”. Walaupun kedua-dua peruntukan kelihatan serupa, namun penguatkuasaan Seksyen 211 terpakai bagi kandungan statik (seperti laman sesawang), manakala Seksyen 233 digunakan untuk komunikasi bersifat interaktif, seperti media sosial (Daud, 2019).

Bagi memperkasakan penyeliaan kandungan didalam talian, Seksyen 233 telah dipinda oleh Parlimen pada Disember 2024. Secara amnya, pindaan tersebut masih mengekalkan elemen-elemen penjenayahan kandungan yang bersifat ‘lucah, kasar, palsu, mengancam, menjengkelkan atau menyinggung perasaan’, namun pindaan ini telah meminda perkataan ‘jelik’ kepada ‘jelik melampau’. Ketika membentangkan pindaan ini, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil menyatakan bahawa pindaan perkataan ini adalah bertujuan untuk meletakkan nilai ambang baharu terhadap kandungan yang melampaui tatasusila dan moral masyarakat Malaysia (Bernama, 2024). Dalam pada masa yang sama, ‘ucapan bernada kebencian’ turut ditafisirkan sebagai salah satu bentuk ‘jelik melampau’ dibawah Huraian 6 yang baru dimasukkan dibawah pindaan tersebut. Menurut Huraian 6(b), ‘ucapan bernada kebencian’ merujuk kepada penghinaan atau tindakan menjatuhkan maruah seseorang samada melalui perkataan, audio, isyarat, ataupun visual. Walaubagaimanapun, organisasi hak asasi seperti ARTICLE 19 mengkritik pindaan ini kerana didakwa tidak memenuhi piawaian Perkara 19(3) ICCPR, yang hanya membenarkan sekatan terhadap ucapan yang secara langsung menghasut kepada diskriminasi, kekerasan, atau permusuhan sepertimana yang turut temaktub dibawah Perkara 20(2) ICCPR (Article 19, 2024).

Dari sudut penguatkuasaan, SKMM, menunjukkan bahawa terdapat peningkatan mendadak dalam aduan berkaitan ucapan kebencian dalam talian daripada 422 kes pada tahun 2022 kepada 2,858 aduan pada tahun 2023 (Malaysian Communications and Multimedia Commission, 2023). Lonjakan ini mencerminkan keterlibatan belia yang semakin aktif dalam ruang digital, dalam pada masa yang sama, turut menunjukkan bagaimana mereka semakin terdedah kepada penyebaran dan pengaruh wacana kebencian. Walaupun undang-undang semakin ketat, keberkesanannya masih dipersoalkan kerana tindakan yang diambil sering bersifat reaktif dan tidak disertai dengan strategi pendidikan atau literasi digital yang menyeluruh kepada golongan muda.

Dalam konteks ini, kewujudan Kod Kandungan 2022 memainkan peranan penting dalam membentuk etika dan tanggungjawab digital dalam kalangan belia dimana kod ini berfungsi sebagai instrumen kawal selia sendiri (*self-regulatory instrument*) yang menetapkan piawaian tingkah laku dan etika bagi penyedia serta pengguna kandungan dalam talian. Ia melengkapi kerangka undang-undang AKM dengan memberi panduan terperinci mengenai kandungan yang dibenarkan dan dilarang, termasuk larangan terhadap ucapan kebencian (Daud, 2019). Walaupun Perkara 6.1(ii) dengan jelas menyenaraikan ucapan kebencian berasaskan kaum, agama, jantina, ketidakupayaan, dan kecenderungan seks sebagai kandungan yang dilarang, pelaksanaannya menimbulkan perbincangan apabila kategori seperti “kecenderungan seks” dilihat berpotensi bercanggah dengan kedudukan undang-undang dan moral tempatan yang menganggap hubungan sejenis sebagai kesalahan di bawah undang-undang syariah dan sivil. Perdebatan ini menunjukkan bahawa dalam konteks Malaysia, pengawalseliaan terhadap ucapan kebencian, termasuk dalam kalangan belia; perlu dilaksanakan secara kontekstual dan seimbang. Ia bukan sahaja memerlukan undang-undang yang ketat, tetapi juga pendekatan pendidikan digital yang berterusan agar belia dapat memahami tanggungjawab mereka sebagai warganegara digital (*digital citizens*) yang matang, beretika, dan menghormati nilai moral tempatan.

Kanun Keseksaan dan Keberkesanannya dalam Menangani Ucapan Kebencian

Selain daripada Akta Hasutan 1948 dan AKM, Kanun Keseksaan turut memperuntukkan beberapa kesalahan yang boleh digunakan bagi mengawal penyebaran ucapan kebencian sama ada ia dilakukan secara dalam talian mahupun luar talian. Walaupun undang-undang ini tidak mendefinisikan istilah ucapan kebencian secara khusus, beberapa peruntukan didalam Kanun Keseksaan digunakan bagi tujuan untuk melindungi ketenteraman awam dan keharmonian sosial, yang juga prinsip yang menjadi asas kepada pengawalan ucapan kebencian.

Antara peruntukan yang relevan dibawah Kanun Keseksaan adalah Seksyen 504, 505(b), 505(c), 298 dan 298A, seperti yang dirumuskan melalui Jadual 1.

Jadual 1

Peruntukan berkaitan Ucapan Kebencian di bawah Kanun Keseksaan

Peruntukan	Penjelasan dan Aplikasi Undang-undang
Seksyen 504	Menjenayahkan perbuatan menghina secara sengaja dengan niat untuk mencetuskan provokasi yang boleh membawa kepada pecah keamanan. Dalam kes <i>Public Prosecutor v. Muhammad Rozaimi bin Hasim and another suit</i> [2024] MLJU 2654, mahkamah menekankan bahawa niat dan kemungkinan akibat daripada ucapan merupakan elemen penting. Namun, dalam konteks media sosial masa kini, elemen <i>nexus of causation</i> sukar dibuktikan kerana interaksi berlaku secara maya dan sering melibatkan pengguna muda yang bertindak secara spontan.
Seksyen 505(b)	Melarang penyebaran kenyataan yang boleh menimbulkan ketakutan atau keresahan awam sehingga membawa kepada pelanggaran undang-undang. Digunakan dalam kes penyebaran berita palsu seperti dalam kes <i>Pendakwa Raya Iwn Liyana bt Razali</i> [2024] MLJU 2358, namun tafsirannya yang luas boleh menjejaskan hak bersuara sekiranya tidak dikawal secara munasabah (Daud, 2019).
Seksyen 505(c)	Menjenayahkan kenyataan yang boleh menghasut permusuhan, kebencian atau niat jahat antara kumpulan atau kaum. Ia merupakan peruntukan paling hampir dengan konsep ucapan kebencian, namun mensyaratkan elemen hasutan kepada tindakan yang boleh mengancam ketenteraman awam. Walaupun tindakan undang-undang di bawah seksyen ini masih terhad, prinsip keperluan dan perkadaran dalam mengehadkan kebebasan bersuara seperti yang ditegaskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam <i>Kerajaan Malaysia v. Mat Shuhaimi Shafie</i> [2018] 1 MLJ 784 boleh dijadikan panduan dalam menafsirkan peruntukan ini agar pelaksanaannya kekal seimbang antara perlindungan keselamatan awam dan kebebasan bersuara.
Seksyen 298 dan 298A	Kedua-dua peruntukan ini berkaitan dengan perlindungan sensitiviti keagamaan. Seksyen 298 melarang sebarang tindakan yang boleh melukai perasaan keagamaan individu, manakala Seksyen 298A menjenayahkan perbuatan yang boleh mencetuskan ketidakharmonian atas dasar agama. Namun demikian, penumpuan terhadap aspek keagamaan menjadikan peruntukan ini tidak inklusif terhadap bentuk kebencian lain seperti yang berasaskan kaum, jantina atau orientasi politik.

Walaupun Kanun Keseksaan menyediakan beberapa mekanisme kawalan terhadap ujaran yang mengganggu ketenteraman awan, keberkesannya dalam menangani ucapan kebencian digital masih boleh dipersoalkan atas beberapa alasan utama.

Pertama, Kanun Keseksaan tidak mengandungi definisi substantif bagi ucapan kebencian. Tanpa takrifan undang-undang yang jelas, pelaksanaan dan tafsirannya bergantung kepada budi bicara mahkamah serta pihak penguatkuasa. Dalam *kes PP v. Azmi Shahrom* [2015] 6 MLJ 751, Mahkamah Persekutuan menegaskan bahawa sekatan terhadap kebebasan bersuara mestilah munasabah dan berkadar. Selain itu, Mahkamah persekutuan mengingatkan bahawa sebarang sekatan yang tidak mempunyai justifikasi kukuh boleh melanggar Perkara 10(1)(a) Perlembagaan Persekutuan. Prinsip ini penting dalam menilai ucapan belia, kerana mereka sering berkomunikasi tanpa memahami sempadan undang-undang yang membezakan antara ekspresi sah dan ujaran yang menjurus kepada kebencian. Kedua, pendekatan Kanun Keseksaan bersifat reaktif dan menghukum, dan tidak memberi ruang kepada pendidikan atau pemulihan. Pendekatan sebegini tidak sesuai untuk belia, yang lebih memerlukan intervensi bersifat pencegahan seperti literasi digital dan pendidikan sivik mengenai tanggungjawab dalam talian. Seterusnya, dari perspektif sosio-perundangan, Kanun Keseksaan masih beroperasi dalam paradigma tradisional yang menumpukan kepada ancaman fizikal terhadap ketenteraman awam. Pendekatan ini, jika diterapkan secara literal kepada belia, berisiko menghukum mereka sebagai pesalah siber tanpa menilai niat, kematangan moral, dan tahap kefahaman terhadap isu yang dibincangkan.

Keempat, ketiadaan elemen penilaian kontekstual seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan Rabat (Human Rights Council, 2013) menjadikan Kanun Keseksaan tidak selaras dengan pendekatan global. Pelan Tindakan Rabat menekankan bahawa penilaian terhadap sesuatu ujaran harus mempertimbangkan konteks, niat, kandungan, status pembicara, jangkauan audiens, dan kemungkinan kesan segera. Ini penting dalam konteks belia kerana banyak kes melibatkan penyebaran ucapan kebencian secara tidak sengaja; misalnya melalui perkongsian semula kandungan sensitif tanpa kesedaran akan kesannya terhadap kelompok lain.

Tambahan pula dari sudut pelaksanaan, terdapat pertindihan bidang kuasa antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan SKMM. Ini dapat dilihat apabila sebahagian besar laporan ucapan kebencian disiasat di bawah Seksyen 233 AKM 1998 berbanding peruntukan-peruntukan dibawah Kanun Keseksaan. Dalam amalan, aduan yang melibatkan belia biasanya ditangani melalui pendekatan pentadbiran atau teguran, malah bukannya pendakwaan di bawah Kanun Keseksaan (Asia Centre, 2023). Ini menunjukkan bahawa wujud keperluan mendesak bagi satu kerangka undang-undang yang lebih mesra belia, yang menekankan pendidikan dan pemulihan, bukannya hukuman semata-mata.

Moderasi Kandungan, Perlesenan Platform Media Sosial dan Akta Keselamatan dalam Talian 2025: Antara Tanggungjawab, Cabaran, dan Pelindungan Belia

Cabaran terbesar dalam menangani ucapan kebencian dalam talian di Malaysia bukan sahaja berpunca daripada kekangan undang-undang, tetapi turut disumbang oleh kelemahan dalam moderasi kandungan digital yang tidak seimbang di peringkat global. Walaupun Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM) serta Kod Kandungan 2022 telah menyediakan asas kawal selia terhadap komunikasi jelik dan ucapan kebencian, namun pelaksanaannya terbatas kerana Kod Kandungan hanyalah garis panduan kawal selia sendiri yang tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan langsung terhadap syarikat platform antarabangsa. Dalam hal ini, SKMM hanya mampu menguatkuasakan perundangan sedia ada secara efektif kepada penyedia kandungan yang berlesen dibawah AKM, sedangkan syarikat seperti Meta, X dan TikTok beroperasi berdasarkan dasar global mereka sendiri, yang sering kali tidak sejajar dengan nilai agama, budaya, dan norma sosial Malaysia (Mazúr & Grambličková, 2023).

Fenomena ini menjelaskan mengapa kandungan berunsur kebencian, penghinaan agama, dan diskriminasi etnik masih berleluasa walaupun laporan pengguna semakin meningkat. Kajian antarabangsa menunjukkan bahawa algoritma media sosial yang direka bentuk untuk memaksimumkan keterlihatan (*visibility*) kandungan sensasi bagi tujuan keuntungan iklan turut menyumbang kepada normalisasi kebencian dalam talian (Corsi, 2024; Metzler, 2023). Tanpa mekanisme kerjasama rentas sempadan antara kerajaan dan platform, ruang digital terus menjadi medan subur bagi penyebaran naratif kebencian, khususnya dalam kalangan belia, yang merupakan segmen pengguna paling aktif dan mudah terpengaruh dengan mesej provokatif dan bersifat emosi (Harriman et al., 2020; Madriaza et al., 2025; Obermaier & Schmuck, 2022).

Sebagai respons terhadap kekangan kawal selia sedia ada, Parlimen telah meluluskan Akta Keselamatan Dalam Talian 2025, yang menandakan langkah penting kearah memperkukuh tanggungjawab penyedia platform digital. Akta ini memperkenalkan kewajipan bagi pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen untuk mengemukakan Pelan Keselamatan dalam Talian (*Online Safety Plan*) kepada SKMM, sepertimana yang termaktub dibawah Seksyen 20 Akta tersebut. Pelan ini bertujuan memastikan penyedia platform melaksanakan langkah-langkah yang munasabah untuk mengurangkan pendedahan pengguna terhadap kandungan berbahaya seperti kebencian, penipuan digital, dan eksploitasi seksual. Di samping itu, akta ini turut mewajibkan penyedia platform menyediakan mekanisme pelaporan, meningkatkan ketelusan dalam polisi keselamatan, dan memastikan moderasi kandungan dilaksanakan dengan lebih berkesan (Radhi, 2025).

Walaupun akta ini dilihat sebagai langkah progresif dalam memperkukuh keselamatan digital negara, pelaksanaannya masih berada pada peringkat penggubalan peraturan pelaksana (*subsidiary regulations*) yang akan memperincikan tanggungjawab platform serta piawaian pelaporan kepada SKMM. Namun, antara cabaran utama yang dijangka timbul ialah isu bidang kuasa rentas sempadan memandangkan kebanyakan platform beroperasi di luar Malaysia dan perbezaan tafsiran nilai antara prinsip kebebasan bersuara yang dominan di Barat dengan keperluan menjaga keharmonian sosial serta sensitiviti agama di Malaysia. Dalam konteks ini, pelaksanaan akta tersebut perlu berpaksikan kepada prinsip kebertanggungjawaban bersama antara kerajaan, penyedia platform dan pengguna, sejajar dengan Pelan Tindakan Rabat 2013. Pelan tersebut menegaskan bahawa sebarang sekatan terhadap ucapan kebencian hendaklah melalui ujian ketat yang menilai niat, konteks, keterlihatan dan akibat bagi mengelakkan pencabulan terhadap hak kebebasan bersuara yang sah (Hatano, 2023; Human Rights Council, 2013).

Seiring dengan itu, Kementerian Komunikasi dan Multimedia pada 2024 telah turut memperkenalkan langkah baharu melalui inisiatif perlesenan platform media sosial dibawah Seksyen 252 dan 263 AKM yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2025. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan akauntibiliti penyedia platform dan memastikan pematuhan terhadap piawaian kawal selia tempatan. Namun demikian, sambutan terhadap dasar ini adalah masih rendah. Setakat Julai 2025, hanya dua platform utama iaitu TikTok dan WeChat telah memperoleh lesen operasi di Malaysia, manakala platform-platform yang lain seperti Meta, Youtube dan X, masih lagi belum memohon lesen secara rasmi (The Malay Mail, 2025).

Antara sebab utama penolakan terhadap pelaksanaan ini ialah kekaburan syarat-syarat yang ditetapkan, termasuk keperluan menubuhkan entiti tempatan, menjalankan audit kandungan, menubuhkan pasukan penyunting tempatan, serta mengemukakan laporan ketelusan berkala (ARTICLE 19 & Centre for Independent Journalism, 2024). Meta, misalnya, menyatakan bahawa syarat-syarat tersebut menimbulkan risiko terhadap kebebasan bersuara dan boleh menjejaskan kebolehoperasian global mereka (Azhar, 2024). Sementara itu, ARTICLE 19 dan Centre For Independent Journalism turut

menyatakan kebimbangan bahawa dasar perlesenan ini boleh membuka ruang kepada penyalahgunaan kuasa dalam pengawalan kandungan serta berpotensi menghakis hak kebebasan bersuara secara sistematik (ARTICLE 19, 2024). Malah, lebih daripada 40 organisasi masyarakat sivil di Malaysia turut menyuarakan kebimbangan bahawa pelaksanaan sistem pelesenan ini berpotensi memperluas kawalan kerajaan terhadap ruang wacana digital. Oleh yang demikian, mencadangkan penubuhan Majlis Media Sosial Malaysia sebagai mekanisme kawal selia sendiri yang lebih bebas, telus, dan seimbang (The Malay Mail, 2024a).

Dari sudut perlindungan belia, Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 mempunyai nilai strategik yang besar dalam memperkukuh kesejahteraan digital generasi muda. Golongan belia Malaysia, yang membentuk lebih separuh daripada jumlah pengguna aktif media sosial, merupakan kumpulan paling terdedah kepada kandungan berunsur kebencian, manipulasi algoritma dan eksploitasi ideologi ekstrem (Meltwater, 2024). Kajian menunjukkan bahawa belia lebih mudah terpengaruh dengan kandungan yang bersifat emosi dan berorientasikan penerimaan sosial (Obermaier & Schmuck, 2022), yang seterusnya boleh membentuk sikap tidak bertoleransi serta menormalisasi ucapan kebencian dalam masyarakat. Dalam konteks ini, akta tersebut berpotensi menjadi asas kepada pendekatan moderasi kandungan yang lebih beretika dan proaktif, selari dengan usaha memupuk daya tahan digital (*digital resilience*) dalam kalangan generasi muda.

Namun, pelaksanaan undang-undang ini turut menimbulkan kebimbangan terhadap potensi penyalahgunaan kuasa dan pencabulan hak kebebasan bersuara sekiranya ia dilaksanakan tanpa garis panduan yang jelas dan seimbang. Keberkesanan akta ini bukan sahaja bergantung kepada ketegasan penguatkuasaan, tetapi juga kepada kejelasan garis panduan pelaksanaan, kerjasama industri serta kemampuan kerajaan memperkukuh literasi digital dan kesedaran sivik dalam kalangan belia. Oleh itu, pendekatan yang menggabungkan pengawalan tegas dan pendidikan etika digital merupakan kunci kepada pembentukan ruang siber yang bebas, selamat dan bertanggungjawab dalam masyarakat majmuk Malaysia.

DAPATAN DAN KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan bagi meneliti fenomena ucapan kebencian dalam talian dalam kalangan belia Malaysia daripada perspektif sosial, perundangan, dan dasar awam melalui kaedah sosio-perundangan. Berdasarkan analisis kualitatif terhadap dokumen undang-undang, data sekunder, serta pandangan responden-responden kajian, tiga dapatan utama dapat dirumuskan sejajar dengan objektif kajian ini.

Pertama, dari segi faktor penyumbang, kajian ini mendapati bahawa kemunculan ucapan kebencian dalam kalangan belia didorong oleh gabungan pengaruh sosial, budaya digital, dan tahap kesedaran sivik yang rendah dalam penggunaan ruang siber. Ciri-ciri ruang digital yang bersifat tanpa nama (*anonymity*), algoritma yang mengutamakan keterlihatan kandungan emosi (*emotional visibility*), serta budaya siber yang menormalisasi provokasi telah mempercepat penyebaran naratif kebencian. Faktor-faktor sosio-politik seperti pemisahan kaum dan agama dalam masyarakat serta manipulasi ideologi di platform media sosial turut dipercayai menyumbang kepada pemangkin utama. Belia menjadi kelompok paling terdedah disebabkan oleh keterlibatan tinggi dalam media sosial dan kecenderungan terhadap penerimaan sosial dalam talian (Obermaier & Schmuck, 2022). Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan psikologi belia, malah boleh membentuk sikap tidak bertolak ansur dan normalisasi prejudis yang mampu mengugat keharmonian sosial.

Kedua, dari sudut keberkesanan perundangan, dapatan menunjukkan bahawa kerangka undang-undang sedia ada di Malaysia masih bersifat terpisah dan reaktif. Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM) sememangnya memperuntukkan mekanisme sekatan terhadap komunikasi jelik dan menghasut, peruntukan-peruntukan tersebut masih belum cukup anjal untuk menangani bentuk-bentuk baharu ujaran kebencian digital. Sebagai contoh, Seksyen 233 AKM lebih tertumpu kepada unsur penghinaan dan ancaman, bukan kepada dimensi kebencian berasaskan identiti, manakala Kanun Keseksaan pula tidak mendefinisikan ucapan kebencian secara jelas. Dalam konteks ini, kelompondan definisi yang jelas, bidang kuasa rentas sempadan, dan ketiadaan pelaksanaan seragam telah melemahkan keberkesanan tindakan penguatkuasaan.

Pengenalan Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 menandakan anjakan paradigma dalam kawal selia kandungan digital di Malaysia. Akta ini digubal untuk memperkasakan akauntabiliti dan memperkenalkan penyedia platform digital melalui pelaksanaan Pelan Keselamatan Dalam Talian (*Online Safety Plan*) bagi mengurangkan pendedahan pengguna terhadap kandungan berbahaya. Walaupun keberkesananannya masih bergantung kepada pewartaan peraturan pelaksana, akta ini jelas memperlihatkan komitmen kerajaan untuk menstruktur semula mekanisme keselamatan siber negara.

Tambahan pula, inisiatif perlesenan platform media sosial di bawah Seksyen 252 dan 263 AKM memperkukuh prinsip akauntabiliti korporat, meskipun pelaksanaannya berdepan cabaran pematuhan global. Kajian ini mendapati bahawa antara cabaran utama pelaksanaan akta dan dasar tersebut ialah jurang bidang kuasa antarabangsa serta perbezaan tafsiran nilai antara prinsip kebebasan bersuara Barat dan sensitiviti sosio-agama Malaysia.

Ketiga, kajian ini menegaskan bahawa pendekatan perundangan semata-mata adalah tidak mencukupi untuk membendung penularan ucapan kebencian dalam talian khususnya dikalangan belia. Usaha ini perlu disokong oleh pendekatan bukan perundangan yang bersifat pendidikan, kolaboratif dan advokatif. Dalam konteks ini, pendidikan literasi digital perlu diperhebat, khususnya dalam kalangan belia, bagi memperkukuh keupayaan berfikir secara kritikal, menilai maklumat secara beretika serta menolak kandungan berunsur kebencian dan diskriminasi. Pertubuhan masyarakat sivil seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan seumpamanya, wajar diberikan peranan yang lebih strategik dalam melaksanakan program yang berasaskan kepada pembangunan daya tahan digital (*digital resilience*) dan pemupukan empati sosial.

Selain itu, pelaksanaan Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 hendaklah berasaskan prinsip kebertanggungjawaban bersama antara kerajaan, penyedia platform, dan pengguna, sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Tindakan Rabat 2013 (Human Rights Council, 2013). Prinsip ini menegaskan bahawa sekatan terhadap ucapan kebencian perlu melalui penilaian yang mengambil kira niat, konteks, dan akibat sesuatu pertuturan, bagi memastikan hak kebebasan bersuara tidak dicabuli secara sewenang-wenangnya. Justeru, pendekatan yang mengimbangi antara penguatkuasaan undang-undang yang tegas dengan pendidikan etika digital yang berterusan amat penting dalam membentuk ekosistem siber yang selamat, beretika, dan demokratik.

Kesimpulannya, kajian ini menegaskan bahawa usaha untuk membendung ucapan kebencian dalam talian dalam kalangan belia memerlukan pendekatan yang menyeluruh, bersepadu dan berasaskan nilai. Keberkesanan undang-undang amat bergantung pada kejelasan pelaksanaan, kerjasama rentas sempadan dengan industri digital global, serta pemantapan pendidikan sivik siber di peringkat akar umbi. Sekiranya Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 dilaksanakan secara telus, inklusif dan berpaksikan prinsip hak asasi manusia, ia berpotensi menjadi pemangkin kepada pembentukan

ekosistem digital Malaysia yang lebih beretika, bertanggungjawab dan berdaya tahan. Gabungan antara penguatkuasaan perundangan yang berkesan, pendidikan literasi digital yang meluas, serta penglibatan aktif masyarakat sivil diyakini dapat membentuk budaya digital yang menghargai kepelbagaian, memupuk toleransi, dan memperkukuh integriti sosial serta perpaduan nasional dalam kerangka masyarakat majmuk Malaysia.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah disokong oleh Geran Penjanaan S/O Code 21653, Pusat Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Universiti Utara Malaysia .

RUJUKAN

- Alava, S., Frau-Meigs, D., & Hassan, G. (2017). *Youth and violent extremism on social media*. United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000260382>
- Article 19. (2024). *Malaysia : Halt the repressive amendments to the Communications and Multimedia Act*. Article 19. <https://www.article19.org/resources/repressive-amendments-communications-multimedia-act/>
- Article 19. (2024). *Malaysia: Social media licence plans could restrict freedom of expression*. Article 19. <https://www.article19.org/resources/malaysia-social-media-licence-plans-restrict-freedom-of-expression/>
- Article 19, & Centre for Independent Journalism. (2024). *Social media licensing in Malaysia : What do you need to know ?* https://www.article19.org/wp-content/uploads/2024/10/Article-19-Social-Media-Regulation-v1.7.pdf?utm_source=chatgpt.com
- Asia Centre. (2023). *Internet freedoms in Malaysia: Regulating online discourse on race, religion, and royalty*. <https://asiacentre.org/wp-content/uploads/Internet-Freedoms-In-Malaysia-Regulating-Online-Discourse-on-Race-Religion-and-Royalty-.pdf>
- Awasthi, S. (2025). *Online radicalisation in Malaysia : Regional risks and responses*. Observer Research Foundation. <https://www.orfonline.org/expert-speak/online-radicalisation-in-malaysia-regional-risks-and-responses>
- Azhar, D. (2024). *Meta says Malaysia's social media licencing plan lacks clarity, threatens innovation*. Reuters. https://www.reuters.com/technology/meta-says-malaysias-social-media-licencing-plan-lacks-clarity-threatens-2024-10-30/?utm_source=chatgpt.com
- Azman, N. F., Abdul, N., Zamri, K., & Hassim, M. N. (2023). Hate speech on social media in Malaysia - A thematic review. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(6), 1466–1477. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v13-i6/17177>
- Banakar, R., & Travers, M. (2005). *Theory and method in socio-legal research*. Bloomsbury Publishing.
- Basu, D. Das. (2018). *Shorter Constitution of India* (15th ed.). Lexis Nexis.
- Bernama. (2024). *Huraian “jelik melampau” dalam pindaan Akta 588 tidak bersifat muktamad*. Kementerian Komunikasi. <https://www.komunikasi.gov.my/en/public/news/26769-huraian-jelik-melampau-dalam-pindaan-akta-588-tidak-bersifat-muktamad>
- Brown, A. (2018). What is so special about online (as compared to offline) hate speech? *Ethnicities*, 18(3), 297–326. <https://doi.org/10.1177/1468796817709846>

- Castaño-Pulgarín, S. A., Suárez-Betancur, N., Vega, L. M. T., & López, H. M. H. (2021). Internet, social media and online hate speech. Systematic review. *Aggression and Violent Behavior*, 58(July 2020). <https://doi.org/10.1016/j.avb.2021.101608>
- Che Zainal, C. N. S., Adnan, W. H., & Aziz, A. A. (2024). Promoting new media literacy in internet usage among youths: A conceptual paper. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 26(2), 1–20. <https://doi.org/10.22452/jpmm.vol26no2.3>
- Corsi, G. (2024). Evaluating Twitter’s algorithmic amplification of low-credibility content: An observational study. *EPJ Data Science*, 13(1), 18. <https://doi.org/10.1140/epjds/s13688-024-00456-3>
- Daud, M. (2019). *Internet content regulation: Contemporary legal and regulatory issues in the changing digital landscape*. IIUM Press.
- De Gregorio, G. (Ed.). (2022). Digital constitutionalism and freedom of expression. In *Digital constitutionalism in Europe: Reframing rights and powers in the algorithmic society* (pp. 157–215). Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/9781009071215.006>
- Delgado, R. (2019). *Understanding words that wound*. Routledge.
- Department of Statistics Malaysia. (2023). *ICT use and access by individuals and households survey report 2023*. https://storage.dosm.gov.my/icths/icths_2023.pdf
- Dreißigacker, A., Müller, P., Isenhardt, A., & Schemmel, J. (2024). Online hate speech victimization: Consequences for victims’ feelings of insecurity. *Crime Science*, 13(1), 1–13. <https://doi.org/10.1186/s40163-024-00204-y>
- Faruqi, S. S. (2019). *Our Constitution*. Thomson Reuters Asia.
- Fernandez, K., & Barton, G. (2023). Refining the definition of extremism in the context of Malaysia. *Resmilitaris*, 13. <https://resmilitaris.net/menu-script/index.php/resmilitaris/article/view/3617%0Ahttps://resmilitaris.net/menuscrypt/index.php/resmilitaris/article/download/3617/2824>
- Govers, J., Feldman, P., Dant, A., & Patros, P. (2023). Down the rabbit hole: Detecting online extremism, radicalisation, and politicised hate speech. *ACM Computing Surveys*, 55(14s). <https://doi.org/10.1145/3583067>
- Haron, H. H. (2020). *The Malaysian Press Council: Towards striking a balance between public interest and freedom of press*. [Unpublished master’s thesis]. International Islamic University Malaysia.
- Haron, H. H., & Arsat, N. (2022). *Zuckerberg’s metaverse and the unready Malaysian laws: Quo vadis?* Proceedings of the International Conference on Law and Digitalization (ICLD 2022), 1, 123–135. <https://doi.org/10.2991/978-2-494069-59-6>
- Harriman, N., Shortland, N., Su, M., Cote, T., Testa, M. A., & Savoia, E. (2020). Youth exposure to hate in the online space: An exploratory analysis. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(22), 1–14. <https://doi.org/10.3390/ijerph17228531>
- Hasan, Z. (2021). *Fiqh kewarganegaraan manhaj Malaysia pemangkin perpaduan Nasional- Prof Madya Dr Zulkifli Hasan*. Universiti Sains Islam Malaysia. Temu bual.
- Hatano, A. (2023). Regulating online hate speech through the prism of human rights law: The potential of localised content moderation. *Australian Year Book of International Law*, 41(1), 127–156. <https://doi.org/10.1163/26660229-04101017>
- Hietanen, M., & Eddebo, J. (2023). Towards a definition of hate speech—with a focus on online contexts. *Journal of Communication Inquiry*, 47(4), 440–458. <https://doi.org/10.1177/01968599221124309>
- Howard, J. W. (2019). Free speech and hate speech. *Annual Review of Political Science*, 22(Brown 2016), 93–109. <https://doi.org/10.1146/annurev-polisci-051517-012343>
- Human Rights Commission of Malaysia. (2020). *Annual report 2020*.

- Human Rights Council. (2013). *Report of the United Nations High Commissioner for Human Rights on the expert workshops on the prohibition of incitement to national, racial or religious hatred* (Issue January). http://www.ohchr.org/Documents/Issues/Opinion/SeminarRabat/Rabat_draft_outcome.pdf
- Ismail, N., Jawhar, J., Yusof, D. M., Ismail, A. I., & Akhtar, R. M. K. (2022). Understanding Malaysian youth's social media practices and their attitude towards violent extremism. *Intellectual Discourse*, 30(1). <https://journals.iium.edu.my/intdiscourse/index.php/id/article/view/1855>
- Kemp, S. (2024). *The state of digital in Malaysia in 2024*. Data Reportal. <https://wearesocial.com/id/blog/2024/01/digital-2024/>
- Kuwi Hoi, N., & Shi Joh, T. (2023). Exploring the social and cultural implications of hate speech on Facebook in Malaysia. *Sains Humanika*, 16(1), 19–31. <https://doi.org/10.11113/sh.v16n1.2069>
- Mack, N., Woodsong, C., MacQueen, K., Guest, G., & Namey, E. (2005). *Qualitative research methods: A data collectors field guide*. Family Health International.
- Madriaza, P., Hassan, G., Brouillette-Alarie, S., Mouchingam, A. N., Durocher-Corfa, L., Borokhovski, E., Pickup, D., & Paillé, S. (2025). Exposure to hate in online and traditional media: A systematic review and meta-analysis of the impact of this exposure on individuals and communities. *Campbell Systematic Reviews*, 21(1). <https://doi.org/10.1002/cl2.70018>
- Mahyuddin Daud. (2021). Freedom of misinformation and the relevance of co-regulation in Malaysia: A cross-jurisdictional analysis. *IJUM Law Journal*, 29(2), 27–54. <https://doi.org/10.1016/j.clsr.2019.105373>
- Malaysian Communications and Multimedia Commission. (2023). *MCMC says take-down requests were over scams, hate speech*. Malaysian Communications and Multimedia Commission. <https://mcmc.gov.my/en/media/press-clippings/mcmc-says-take-down-requests-were-over-scams-hate#:~:text=The Malaysian Communications and Multimedia,2022 to 25%2C642 in 2023>
- Maliki, N. K., & Bahari, K. A. (2023). The level of digital citizenship knowledge among 16-year-old teenagers in Malaysia. *Journal of Education and Social Sciences*, 24(1), 10–16.
- Marsden, C. T. (2011). *Internet co-regulation: European law, regulatory governance and legitimacy in cyberspace*. Cambridge University Press.
- Mazúr, J., & Grambličková, B. (2023). New regulatory force of cyberspace: The case of meta's oversight board. *Masaryk University Journal of Law and Technology*, 17(1), 3–32. <https://doi.org/10.5817/MUJLT2023-1-1>
- Meltwater. (2024). *Social media statistics for Malaysia [Updated 2024]*. Meltwater.Com. <https://www.meltwater.com/en/blog/social-media-statistics-malaysia>
- Metzler, H. (2023). Social drivers and algorithmic mechanisms on digital media. *Perspective on Psychological Science*, 19(5). <https://doi.org/10.1177/17456916231185057>
- Moreno, M. A., & Uhls, Y. T. (2019). Applying an affordances approach and a developmental lens to approach adolescent social media use. *Digital Health*, 5, 1–6. <https://doi.org/10.1177/2055207619826678>
- Naidu, W. G., Naidu, D., & Silva, C. L. (2023). *A report on the state of freedom of expression (FOE) in Malaysia 2023*. https://cijmalaysia.net/wp-content/uploads/2023/12/CIJ_FoE_Report.pdf
- Obermaier, M., & Schmuck, D. (2022). Youths as targets: Factors of online hate speech victimization among adolescents and young adults. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 27(4), zmac012. <https://doi.org/10.1093/jcmc/zmac012>
- Paz, M. A., Montero-Díaz, J., & Moreno-Delgado, A. (2020). Hate speech: A systematized review. *SAGE Open*, 10(4). <https://doi.org/10.1177/2158244020973022>

- Pluta, A., Mazurek, J., Wojciechowski, J., Wolak, T., Soral, W., & Bilewicz, M. (2023). Exposure to hate speech deteriorates neurocognitive mechanisms of the ability to understand others' pain. *Scientific Reports*, 13(1), 4127. <https://doi.org/10.1038/s41598-023-31146-1>
- Radhi, N. A. M. (2025). Online Safety Act gazetted, enforcement pending completion of regulations. *New Straits Times*. https://www.nst.com.my/news/nation/2025/06/1235412/online-safety-act-gazetted-enforcement-pending-completion-regulations?utm_source=chatgpt.com
- Sreedharam, R. K., & Ramayah, B. (2020). Sedition law and the bloggers' freedom of expression in Malaysia. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 26, 85–96. <https://doi.org/10.17576/juum-2020-26-10>
- Stajniko, J., Siter, D., & Tomažič, L. M. (2024). Discrimination, freedom of expression and two concepts of liberty: Assessing European legislation criminalizing hate speech. *Hungarian Journal of Legal Studies*, 64(2), 288–307. <https://doi.org/10.1556/2052.2023.00444>
- The Malay Mail. (2024, June 26). *Civil societies worry over social media licensing, call for establishment of self-regulating council instead*.
- The Malay Mail. (2024, April 24). *In which country do people spend the most time on screens? Here's a hint: Malaysia's in top 10*.
- The Malay Mail. (2025, July 30). *Major social media giants still unlicensed in Malaysia despite regulatory efforts*.
- Thornhill, A., Lewis, P., & Saunders, M. (2013). *Research methods for business students* (5th ed.) Pearson Education Limited.
- UNICEF Malaysia. (2020). *Executive summary: Malaysia edition use of social media by children and adolescents in East Asia-Opportunities, risks and harms*. https://www.unicef.org/malaysia/media/1501/file/Our_lives_online_-_Executive_Summary.pdf
- United Nations. (2019). *United nations strategy and plan of action on hate speech*. United Nations Report. [https://www.un.org/en/genocideprevention/documents/UN Strategy and Plan of Action on Hate Speech 18 June SYNOPSIS.pdf](https://www.un.org/en/genocideprevention/documents/UN%20Strategy%20and%20Plan%20of%20Action%20on%20Hate%20Speech%2018%20June%20SYNOPSIS.pdf)
- Von Vorys, K. (1975). *Democracy without consensus: Communalism and political stability in Malaysia*. Princeton University Press. <http://www.jstor.org/stable/j.ctt13x1bxt>
- Wachs, S., Bilz, L., Wettstein, A., Wright, M. F., Kansok-Dusche, J., Krause, N., & Ballaschk, C. (2022). Associations between witnessing and perpetrating online hate speech among adolescents: Testing moderation effects of moral disengagement and empathy. *Psychology of Violence*, 12(6), 371–381. <https://doi.org/10.1037/vio0000422>
- Wan Mohd Nor, M. (2023). All-of-society approach to address hate speech. In M. H. A. HAMID, K. Sariburaja, N. H. M. Noar, S. A. Tajari, M. A. Ismaizam, S. H. Musthar, & S. A. B. Khan (Eds.), *SEARCCT'S selection of articles 2023 special issue: Building digital resilience in preventing and countering violent extremism* (pp. 97–107). Southeast Asia Regional Centre For Counter-Terrorism (SEARCCT) Ministry of Foreign Affairs. <https://www.searcct.gov.my/wp-content/uploads/2024/08/SOA-2023d.pdf>
- Wan Mohd Nor, M., & Mohd Asraf, R. (2015). Freedom without restraint and responsibility: The problem of hate speech in Malaysia. *Malayan Law Journal*, 5, 44–67. https://www.researchgate.net/publication/294872318_Freedom_without_restraint_and_responsibility_the_problem_of_hate_speech_in_Malaysia
- Zamri, N. A. K., Mohamad Nasir, N. A., Hassim, M. N., & Ramli, S. M. (2023). Digital hate speech and othering: The construction of hate speech from Malaysian perspectives. *Cogent Arts and Humanities*, 10(1). <https://doi.org/10.1080/23311983.2023.2229089>